Ya Allah, janganlah Engkau jadikan kuburku sebagai berhala

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, daripada Nabi صلى الله عليه وسلم: "Ya Allah, janganlah Engkau jadikan kuburku sebagai berhala", Allah melaknat suatu kaum yang menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid."

[صحيح] [رواه أحمد]

Nabi berdoa kepada Tuhannya agar tidak menjadikan kubur baginda seperti berhala yang disembah manusia dengan mengagungkannya dan menghadapnya ketika sujud. Kemudian, baginda memberitahu bahawa Allah telah menjauhkan dan mengusir dari rahmat-Nya sesiapa yang menjadikan kubur para nabi sebagai masjid; kerana menjadikan kubur sebagai masjid adalah jalan yang membawa kepada penyembahannya dan kepercayaan terhadapnya.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/3336